

## MANHAJ KRITIK MATAN HADIS IBN AL-QAYYIM: KAJIAN TERHADAP KITAB AL-MANĀR AL-MUNĪF

### THE METHODS OF MATAN HADITH CRITICISM IBN AL-QAYYIM: A STUDY OF AL-MANĀR AL-MUNĪF

Nur Muhammad Anas bin Mohd Razak<sup>1\*</sup>, Mohd Arif bin Nazri<sup>2\*</sup>

<sup>1</sup> Pelajar PhD, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, ibnurazak10@gmail.com.

<sup>2</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, mohdarif@ukm.edu.my.

\* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 23 September 2024 | Selepas Pembetulan: 21 Oktober 2024 | Diterima untuk terbit: 22 November 2024

#### Abstrak

Ibn al-Qayyim merupakan salah seorang tokoh hadis yang menonjol pada abad ke 8 Hijrah. Kesarjanaan Ibn al-Qayyim dalam mengutarakan kritikan terhadap hadis terutamanya pada sudut matan telah menjadi topik perbahasan yang rancak dalam kalangan ilmuwan hadis sejak abad ke 10 Hijrah sehingga zaman moden kini. Justeru, kajian ini meneliti tentang manhaj kritik matan hadis Ibn al-Qayyim menerusi kitab beliau yang berjudul al-Manār al-Munīf. Biografi ringkas Ibn al-Qayyim turut dinyatakan. Kajian ini menggunakan metodologi kajian kepustakaan. Setiap data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan metode induktif dan analisis kandungan. Kajian mendapati empat kriteria utama yang penting di sisi Ibn al-Qayyim dalam aplikasi kritik matan hadis. Dapatan kajian ini diperolehi daripada analisis jawapan Ibn al-Qayyim terhadap soalan yang ditujukan kepada beliau mengenai kemungkinan mengenal hadis palsu secara pasti tanpa dimulai kajian menerusi sanad. Hasil penelitian daripada kajian menunjukkan kriteria penting di sisi Ibn al-Qayyim dalam manhaj kritik matannya adalah matan hadis mengandungi perumpamaan melampau, matan hadis bercanggah secara jelas dengan akal, matan hadis mengandungi ketetapan tarikh-tarikh tertentu dan matan hadis berunsur petua-petua ganjil dalam perubahan. Kajian ini membawa implikasi positif dalam mendepani penyebaran hadis palsu dalam kalangan masyarakat yang semakin menular mutakhir ini. Harapan kajian adalah dapat menambah sumbangan kepada perbendaharaan ilmu tentang kajian kritik hadis secara khusus di samping membantu umat Islam bersikap lebih berhati-hati menerima hadis Nabi SAW lalu menyebarkannya tanpa semakan bagi memelihara kemuliaan dan kedudukannya yang tinggi dalam agama Islam.

#### Kata kunci

Manhaj, Kritik, Matan, Hadis, Ibn al-Qayyim

#### Abstract

*Ibn al-Qayyim is acknowledged as highly recognized leading hadiths figures the 8th Hijrah century. His capability in criticizing the hadith, especially from the matan point of view, had been a heated debate topic among hadith scholars since the 10th century Hijrah until modern times. Thus, this paper analyzed Ibn al-Qayyim's matan hadith criticism method through his book entitled al-Manār al-Munīf. A brief biography of Ibn al-Qayyim is also stated. This study used the library research methodology. Each data obtained was analyzed using inductive methods and content analysis. This study found four main criteria that used by Ibn al-Qayyim in the application of matan hadith*

*criticism. The findings of this study are derived from the analysis of Ibn al-Qayyim's responses to questions posed to him regarding the possibility of identifying a hadith as false with certainty, without initiating the investigation through its sanad. The results from this study presented the important criteria by Ibn al-Qayyim's matan hadith criticism method are extreme parables, hadith texts that clearly contradict common sense, the matan hadith contains specific dates and the matan hadith contains odd tips in medicine. This study brings positive implications in dealing with the spread of false hadiths in society, which is becoming increasingly contagious these days. Hopefully, this study may fill the knowledge gap of hadith criticism research while also assisting Muslims to be more careful in accepting the hadith of the Prophet SAW and then spreading it without revision to preserve its glory and high position in the Islamic religion.*

### **Keywords**

*Method, Criticism, Matan, Hadith, Ibn al-Qayyim*

---

## **1.0 Pengenalan**

Ibn Qayyim al-Jawziyyah merupakan seorang tokoh sarjana Islam yang tersohor. Karya-karya penulisan beliau pada hari ini telah banyak dimanfaatkan oleh umat Islam umumnya malah turut diterjemahkan dalam pelbagai bahasa termasuk bahasa Malaysia. Ketokohan beliau dalam pelbagai ilmu telah menerima banyak pengiktirafan daripada para ilmuwan lain sepanjang zaman. Kesarjanaan beliau terutamanya dalam bidang hadis turut menjadi faktor utama kajian ini dijalankan. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dengan lebih mendalam mengenai manhaj Ibn al-Qayyim dalam kritikan matan hadis.

Secara umum, kajian berkaitan dengan *naqd al-mutūn* atau kritik matan hadis sangat luas untuk dibahaskan. Justeru, kajian ini mempunyai fokus untuk memudahkan penyelidikan. Kajian memfokuskan manhaj Ibn al-Qayyim menerusi karya penulisan beliau yang berjudul *al-Manār al-Munīf*. Kajian ini dijalankan dengan analisis data yang telah dikumpul berdasarkan ulasan dalam karya penulisan beliau sendiri sebagai sumber primer. Di samping itu, metode induktif iaitu membuat kesimpulan bersifat umum daripada data-data yang bersifat khusus untuk menganalisis segala data yang dikumpul turut diaplikasi dalam kajian ini.

## **2.0 Latar Belakang Ibn al-Qayyim**

Beliau adalah Shams al-Dīn Abī ʿAbdullāh, Muḥammad bin Abī Bakr al-Ḥanbalī. Gelaran Ibn Qayyim al-Jawziyyah telah diberikan kepada beliau. Sebahagian besar pengkaji berpendapat gelaran itu mula disebut oleh ayahnya, Abū Bakar Ibn Ayyūb al-Zurʿī yang juga merupakan guru penting di madrasah al-Jawziyyah. Madrasah ini telah dibangunkan oleh tokoh hadis terkenal iaitu Ibn al-Jawzī yang wafat pada tahun 597 H bersamaan 1201 M. Madrasah ini menjadi sekolah mazhab Hanbali yang terbesar di bandar Damsyik pada era tersebut (Abū Zayd, 2002).

Berdasarkan gelaran Ibn Qayyim al-Jawziyyah ini, terdapat tokoh-tokoh ilmu lain yang mempunyai gelaran hampir serupa seperti beliau. Antaranya Ibn al-Jawzī yang merupakan seorang sarjana Islam dalam pelbagai bidang ilmu seperti hadis dan sejarah. Beliau telah meninggal dunia pada 597 H di Iraq. Di samping itu, terdapat juga seorang sarjana Islam lain yang menetap di Mesir dan dikenali sebagai Ibn Qayyim al-Maṣrī. Nama sebenar beliau adalah Bahā' al-Dīn ʿAlī Ibn ʿĪsā Ibn Sulaymān al-Thaʿlabī.

Seorang tokoh hadis yang telah meninggal dunia di Mesir pada tahun 710 H (Jād Hijāzī, 1972).

Ibn al-Qayyim dilahirkan pada 7 Safar 691H bersamaan 9 Januari 1292M. Namun berlaku perbezaan pandangan dalam kalangan ahli sejarawan mengenai bandar kelahiran beliau. Terdapat sebahagian ahli sejarawan bersetuju bahawa Ibn al-Qayyim dilahirkan di bandar Damsyik sesuai tempat beliau dibesarkan. Selain itu, wujudnya pandangan yang menyatakan Ibn al-Qayyim dilahirkan di bandar Zur<sup>c</sup> berdasarkan nasab keturunan ayahnya sendiri yang dipanggil al-Zur<sup>c</sup>. Oleh hal demikian, pandangan ini menyimpulkan tempat kelahiran Ibn al-Qayyim adalah di bandar Zur<sup>c</sup> kemudian keluarganya berpindah ke bandar Damsyik dan membesar di sana (Abū Zayd, 2002).

Ibn al-Qayyim dibesarkan dalam suasana keluarga yang mengutamakan ilmu pengetahuan. Persekitaran Ibn al-Qayyim yang dikelilingi dengan suasana sedemikian telah menyebabkan beliau bersemangat mempelajari bermacam bidang ilmu bermula dengan ayahnya sendiri sebagai guru pertama beliau. (Jād Hijāzī, 1972) Catatan para pengkaji berdasarkan jumlah guru beliau yang ramai sejak kecil sehingga dewasa secara tidak langsung membuktikan semangat juang serta ketekunan beliau dalam menimba ilmu pengetahuan telah mendarah daging dalam dirinya. Maka, tidak hairan beliau mula mempelajari ilmu seawal umur tujuh tahun di bandar Damsyik dengan guru-guru besar seperti al-Shihāb al-<sup>c</sup>Abir yang wafat pada tahun 697 H bersamaan 1298 M. Selain itu, beliau turut berguru dengan Abū al-Faḥ al-Ba<sup>c</sup>labakī yang wafat pada tahun 709 H bersamaan 1309 M. Ibn al-Qayyim belajar dengan mendalam ilmu bahasa Arab termasuk ilmu Nahu dengan gurunya Abū al-Faḥ al-Ba<sup>c</sup>labakī sehingga menguasainya sebelum mencapai umur sembilan tahun (Abū Zayd, 2002).

Beliau banyak memanfaatkan masa mudanya dengan menggali pelbagai khazanah ilmu Islam di sekitar bandar Damsyik. Hal ini juga kerana faktor golongan cerdik pandai dan ramai tokoh ilmu telah memenuhi seluruh pelosok bandar Damsyik pada ketika itu (Abū Zayd, 2002). Walaupun demikian, terdapat juga catatan pengembaraan beliau menuntut ilmu di negara lain seperti di Mesir. Hal ini berdasarkan penceritaan beliau sendiri pada kitabnya yang menjelaskannya pernah menghadiri suatu diskusi dengan seorang yahudi di Mesir (Ibn al-Qayyim, 1996).

Beliau berpeluang bertemu dan belajar dengan tokoh-tokoh ilmu yang bermazhab Hanbali selain turut mengambil kesempatan menuntut dengan ulama-ulama yang pakar dalam pelbagai bidang ilmu. Kesempatan beliau membesar di bandar ilmu telah digunakan sebaik mungkin dengan menimba ilmu seterusnya memanfaatkan keberadaan tokoh-tokoh besar seperti Ibn Abd al-Da'im, al-Majd al-Haranī, Ibn Maktum, al-Muta<sup>c</sup>im, al-Badr bin Jamā<sup>c</sup>ah, al-Safi al-Hindī, Bint Jawhar, al-Zamlakanī, al-Mizzī dan ramai lagi (Abū Zayd, 2002).

Sejarah terpenting dalam riwayat hidup Ibn al-Qayyim adalah ketika berpeluang mempelajari sebegitu banyaknya mutiara ilmu daripada seorang tokoh besar pada zaman tersebut iaitu Ibn Taymiyyah. Beliau selalu dilihat mendampingi Ibn Taymiyyah dalam kebanyakan waktu semenjak kepulangan gurunya itu dari Mesir pada tahun 712H sehinggalah saat akhir kewafatannya pada tahun 728H. Keakraban Ibn al-Qayyim dengan Ibn Taymiyyah ketika usianya masih muda telah membentuk keperibadian yang unggul dalam diri beliau malah melatih kematangan ilmu Ibn al-Qayyim (al-<sup>c</sup>Asqalānī, 1972).

Menurut Ibn Hajar al-<sup>c</sup>Asqalānī, kecintaan Ibn al-Qayyim terhadap gurunya Ibn Taymiyyah begitu terserlah. Kebersamaan beliau bersama Ibn Taymiyyah banyak memberi kesan signifikan dalam kehidupannya sehingga dilihat sangat kurang

perbedaan pandangan malah kerap mempertahankan gurunya dalam kebanyakan keadaan (al-<sup>o</sup>Asqalānī, 1972).

Kesarjanaan Ibn al-Qayyim dalam dunia ilmu Islam telah memberi banyak manfaat kepada seluruh umat Islam sejak abad ke-8 hingga ke abad moden. Antara salah satu bukti kehebatan seseorang tokoh ilmuwan dapat dilihat melalui ketokohan yang tertonjol pada diri murid-murid yang mengambil ilmu daripadanya. Demikian juga Ibn al-Qayyim terserlah kehebatannya menerusi murid-murid beliau sendiri. Lahirnya ramai tokoh ilmuwan dalam pelbagai bidang ilmu melalui didikan Ibn al-Qayyim antaranya Ibn Rejab al-Ḥanbalī, Ibn Kathīr, Ibn Qudamah al-Maqdisī, al-Subkī, Ibn <sup>o</sup>Abd al-Hadī, al-Fayruz'abadī, al-Nablusī dan ramai lagi (Abū Zayd, 2002).

Keperibadian diri Ibn al-Qayyim dipuji oleh ramai tokoh besar. Ibn Kathīr merupakan murid beliau dan rakan sepengajian yang memuji Ibn al-Qayyim dengan pujian yang khusus. Ibn Kathir menggambarkan sikap mulia Ibn al-Qayyim yang disulami dengan sifat kasih sayang malah turut berpandangan keperibadian sahabatnya itu sangat indah dan menawan (Kathīr, 2003). Ibn al-Qayyim sememangnya turut dikenali sebagai tokoh yang sangat mementingkan sumber menurut al-Quran dan sunnah dalam semua pandangannya. Beliau membatasi dirinya dengan dalil-dalil sahih malah sangat teruja untuk beramal dengannya. Beliau jarang menggunakan pandangan *al-ra'y* iaitu melalui akal fikiran dalam sebahagian besar hujah-hujahnya serta keberanian beliau mempertahankan kebenaran dan tidak cenderung terhadap kumpulan atau tokoh dalam mencari kebenaran (al-Shawkānī, 2010).

Sumbangan dan jasa Ibn al-Qayyim terlalu banyak kepada ummah. Idea, pemikiran, dan karya-karya beliau telah memberi implikasi yang besar dalam dunia akademik bahkan berterusan kajian dibuat menggali segala butir-butir khazanah ilmu yang ditinggalkannya oleh para pengkaji sehingga kini. Beliau telah mewakafkan lebih separuh umurnya dan berkorban segala kesenangan hidup lalu memilih untuk turun berada dalam medan ilmu ini. Beliau meninggal dunia pada bulan rejab tahun 751 H.

### 3.0 Kitab al-Manār al-Munīf

Ibn al-Qayyim merupakan tokoh ilmu yang produktif dan begitu banyak menghasilkan karya penulisan yang bermanfaat. Berdasarkan kepada kajian, sebanyak 98 buah kitab telah dikarang oleh Ibn al-Qayyim (Abū Zayd, 2002). Semua karya yang dihasilkan beliau telah membuktikan tahap penguasaannya yang sangat baik dalam pelbagai ilmu Islam umumnya.

Ibn al-Qayyim telah menghasilkan karya-karya mengikut kepelbagaian bidang ilmu Islam merangkumi bidang fikah, sirah, ilmu kalam, tasawuf, tafsir dan hadis. Kajian ini menyusun kitab-kitab beliau berdasarkan bidang tertentu. Salah satu contohnya dalam bidang fikah, beberapa karya penting seperti kitab *Plām al-Muwaqqīṭīn <sup>o</sup>an Rab al-<sup>o</sup>Alamīn*, *Tuhfah al-Mawdūd bi aḥkām al-Mawlūd* dan *al-Taḥbīr fī mā yaḥil wa yaḥrum min libās al-Ḥarīr* ditulis oleh beliau. Manakala sumbangannya dalam bidang sirah melalui kitab *Akhhbār al-Nisā'* dan *Zād al-Ma'ād fi Hady Khayr al-<sup>o</sup>lbād*. Seterusnya, beliau turut diakui ketokohnya dalam pengkhususan aqidah dengan beberapa hasil penulisan yang menjadi rujukan utama seperti kitab *al-Ṣawā'iq al-Mursalah <sup>o</sup>alā Jahmiyah wa al-Muṭīlah*, *Shifā' al-<sup>o</sup>Alīl fī masā'il al-Qadā' wa al-Qadar*, *al-Kāfiyah al-Shāfiyah*, *Miftah dar al-Sa'ādah* dan lain-lain. Beliau turut memiliki karya dalam bidang tasawuf seperti kitab *Madārij al-Sālikīn*, *Rawḍah al-Muḥibbīn* dan *<sup>o</sup>Uddah al-Ṣābiṭīn*. Bidang tafsir, beliau menulis beberapa kitab seperti kitab *al-Tibyān fī Aqsām al-Qurān* dan *Tafsīr Mu'awwidhatayn*.

Di samping itu, Ibn al-Qayyim turut mengarang beberapa kitab utama dalam bidang hadis. Penguasaannya dalam bidang Hadis begitu terserlah dengan hasil karya-karya beliau sendiri. Kitab *al-Manār al-Munīf fī al-Ṣaḥīḥ wa al-Ḍaʿīf* merupakan salah satu hasil karya beliau yang terbaik dalam bidang ini. Kitab ini menjadi rujukan utama daripada karya *turāth* dalam kajian kritik matan hadis.

Kitab ini mempunyai keunikannya tersendiri kerana beberapa faktor, antaranya disebabkan Ibn al-Qayyim mengarangnya bagi tujuan menjawab soalan-soalan yang diutarakan kepada beliau sendiri. Kajian ini mengklasifikasikan tiga bahagian soalan yang ditanya kepada Ibn al-Qayyim. Bahagian pertama merangkumi pendahuluan kitab *al-Manār al-Munīf*. Pada bahagian ini, empat hadis telah dipersoalkan lalu dijawab oleh Ibn al-Qayyim. Hadis tersebut berkaitan hadis fadilat bersiwak, fadilat berzikir dengan empat kalimah tertentu, fadilat puasa tiga hari pada setiap bulan dan fadilat bagi sesiapa yang masuk ke pasar lalu mengucap kalimah *lā ilāh illā Allāh*. Semua soalan dalam bahagian pertama ini disoal kepada Ibn al-Qayyim tentang sebab mengapa semua hadis-hadis fadilat tersebut boleh dihukum sebagai daif. Berdasarkan soalan tersebut, Ibn al-Qayyim menghuraikan hadis-hadis berkenaan secara terperinci serta menjelaskan segala kekeliruan yang timbul (Ibn Qayyim, 1983).

Bahagian kedua pada kitab ini menjadi kandungan utama yang dibahaskan oleh Ibn al-Qayyim. Soalan ini tertumpu pada kajian kritik matan hadis yang lebih serius. Ibn al-Qayyim ditanya sama ada wujud kemungkinan hadis palsu dikesan secara pasti tanpa dilakukan kajian terhadap sanad terlebih dahulu. Pada bahagian ini, Ibn al-Qayyim telah menjelaskannya secara tuntas bahkan turut membentangkan contoh-contoh hadis sebagai asas pada jawapan beliau (Ibn Qayyim, 1983).

Bahagian ketiga adalah penutup bagi kitab ini. Pada bahagian ini, Ibn al-Qayyim telah menjawab soalan yang telah ditanya kepada beliau berkaitan dakwaan terhadap kenyataan: 'Tiada Mahdi selain ʿĪsā bin Maryam'. Soalan tersebut telah dirungkai oleh Ibn al-Qayyim dengan baik dalam kitab ini (Ibn Qayyim, 1983).

Selain itu, kajian mendapati keistimewaan tersendiri pada kitab ini kerana tiada kata aluan atau mukadimah oleh Ibn al-Qayyim. Beliau terus menjawab persoalan-persoalan yang diutarakan. Hal ini menyebabkan para pembaca sukar mengetahui metode asas yang digunakan oleh Ibn al-Qayyim dalam menjelaskan mesej yang diketengahkan oleh beliau sendiri tanpa mengkhataamkan pembacaan keseluruhan isi kandungan terlebih dahulu. Perkara ini sangat penting kerana mukadimah kebiasaannya akan diterangkan metodologi asas bagi penulisan oleh penulisnya selain menjadi daya penarik serta mampu menimbulkan minat kepada para pembaca (Ibn Qayyim, 1983).

Kitab ini juga merupakan antara hasil karya beliau yang telah dikarangnya pada tahun-tahun terakhir sebelum wafat. Sehubungan dengan itu, suatu lagi keistimewaan pada kitab ini kerana ditulis pada kemuncak penguasaan ilmu dan pengalaman hidup beliau. Beliau mengarang kitab ini pada tahun 749 H iaitu bersamaan 3 tahun sebelum tarikh kewafatannya (Ibn Qayyim, 1983).

#### 4.0 Kritik Matan Hadis

Ilmu *Naqd al-Mutūn* atau kritik matan merupakan kajian yang terbentuk dengan beberapa kriteria tertentu terhadap penelitian kesahihan matan hadis. Kajian kritik matan hadis telah melalui beberapa fasa penting dalam sejarah Islam. Perkembangan kritik matan hadis telah mengalami lima fasa masa utama dan ia bermula ketika zaman Nabi SAW masih hidup. Kedua, kritik matan hadis terus berkembang pada zaman para sahabat selepas kewafatan Nabi SAW Seterusnya, perkembangannya tidak terhenti

malah terus berlaku zaman para tabiin. Keempat, fasa selanjutnya terus diaplikasi ketika zaman tabi tabiin. Kelima, proses perkembangannya terus berlangsung pada zaman pasca tabi tabiin sehingga abad ke-7 hijrah (Aziz, 2015).

Budaya kritik matan hadis telah berlaku pada zaman Nabi SAW ketika masih hidup. Perkara ini terjadi pada zaman Nabi SAW kerana kecenderungan para sahabat bagi memastikan sesuatu hadis itu benar-benar daripada Nabi SAW selain mengklasifikasikan yang benar dan salah bagi sesuatu ungkapan Nabi SAW (Saputra, 2008). Keseriusan dalam memastikan kesahihan hadis-hadis Nabi SAW jelas terlihat berdasarkan larangan baginda sendiri terhadap sebarang usaha pemalsuan yang dinisbahkan ke atas dirinya (Syimir, Asri, Ramizah, & Fadhli, 2021).

Kritik matan hadis terus berlaku dalam kalangan para sahabat selepas kewafatan Nabi SAW. Hal ini kerana telah bermula pergeseran signifikan kritik terhadap beberapa faktor seperti hadis bukan lagi diriwayatkan dari sumber pertama atau kedua sehinggalah ke sumber seterusnya. Kedudukan mereka ini kerana jauh berbeza daripada sumber pertama iaitu Nabi SAW (Suryadinata, 2020).

Mustafā al-Sibā'ī berpendapat beberapa orang sahabat yang dikenali sebagai *al-nuqād al-hadīth* seperti Ibn ʿAbbās r.a., ʿUbādah bin al-Ṣamit r.a. dan Anas bin Mālik r.a. (al-Sibā'ī, 2000). Terdapat juga pengkaji lain yang berpandangan zaman sahabat sudah mula rancak kritikan yang berlaku pada sudut matan hadis malah telah wujud metode khusus dalam kritikan matan berdasarkan beberapa sahabat tertentu seperti ʿĀ'ishah r.a., Umar r.a., ʿAlī r.a., Ibn Masʿūd r.a. dan Ibn ʿAbbās r.a. (Maswara, 2013).

Budaya kritik terus berkembang pada generasi seterusnya iaitu zaman tabiin setelah era para sahabat berakhir. Pada zaman ini budaya kritik matan lebih aktif dalam kalangan ahli-ahli hadis. Penerapan kaedah yang lebih khusus telah berlaku antaranya seperti kaedah *muʿāraḍah* iaitu penyesuaian konsep dalam kritikan matan hadis dilakukan. Kaedah *muqarranah* atau perbandingan pada zaman ini turut berlaku. Walau bagaimanapun kaedah *muʿāraḍah* lebih banyak diamalkan pada zaman ini. Kaedah *muʿāraḍah* merupakan penyesuaian konsep pada setiap matan hadis agar tetap terjaga malah bersesuaian dan selaras antara satu sama lain seperti sesuatu matan hadis itu tiada percanggahan yang jelas dengan dalil syariat yang lain (al-Munawar, 2020).

Selanjutnya, budaya kritik terus berlaku pada zaman kemudian iaitu pada era tabi tabiin. Proses kodifikasi sesuatu hadis disusun dengan lebih cermat berdasarkan bab-bab tertentu. Seperti contoh, pada fasa ini bermulanya pemilihan hadis-hadis yang dihimpun secara tidak tersusun sebelumnya kepada pengemaskinian hadis-hadis berdasarkan bab-bab yang lebih khusus dan bersistematik. Kedua, wujudnya metode ahli hadis menerangkan status setiap hadis daripada sudut kesahihannya. Ketiga, munculnya usaha mengelaskan hadis-hadis Nabi SAW dengan fatwa-fatwa para sahabat dan tabiin (Aziz, 2015).

Proses budaya kritik matan lebih berkembang pada fasa seterusnya. Zaman ini dikenali sebagai era pasca tabi tabiin sehingga ke abad 7 hijrah. Fasa ini dikenali sebagai fasa *muta'akhiṛn*. Kritik matan hadis telah dikaji dengan lebih serius pada abad keenam apabila munculnya karya yang dikarang oleh Ibn al-Jawzī iaitu kitab yang berjudul *al-Mawḍūʿāt*. Lalu, usaha Ibn al-Jawzī diteruskan pula oleh Ibn al-Qayyim yang merupakan seorang tokoh hadis terkenal pada abad ketujuh hijrah. Beliau mengarang kitab yang berjudul *al-Manār al-Munīf fī al-Ṣahīh wa al-Ḍaʿīf*. Ibn al-Qayyim menyambung legasi dan usaha Ibn al-Jawzī dengan mengklasifikasikan beberapa ciri khusus bagi setiap hadis palsu yang dikumpulnya (al-Dumaynī, 1984).

## 5.0 Manhaj Kritik Matan Hadis Ibn al-Qayyim

Ibn al-Qayyim merupakan tokoh hadis terawal mengimplementasikan kaedah-kaedah yang lebih khusus dalam mengkritik matan hadis. Walaupun budaya kritik matan sudah lama bermula sejak zaman sebelumnya, namun ia lebih kepada penetapan teori sahaja diperkenalkan tanpa usaha yang serius dalam mengaplikasikannya. Ibn al-Qayyim memulakan usaha dengan menilai beberapa hadis bermasalah pada sudut matan. Akhirnya, beberapa kaedah tertentu dapat dihasilkan bagi memudahkan mengenal pasti ciri-ciri kepalsuan pada sesuatu hadis.

Walaupun bagaimanapun, Ibn al-Qayyim tidak menetapkan kebebasan yang terbuka dalam mengenal pasti hadis-hadis palsu berdasarkan kaedah-kaedah yang dirumuskan. Penelitian pada sudut matan menggunakan kaedah-kaedah tersebut haruslah dilakukan dengan persediaan yang tuntas terutamanya pada sudut ilmu hadis itu sendiri. Ibn al-Qayyim menegaskan hal ini pada soalan yang ditanya kepada beliau mengenai keberangkalan mengetahui hadis-hadis palsu secara tepat tanpa meneliti sanadnya terlebih dahulu (Ibn Qayyim, 1983).

Berdasarkan kajian ini, terdapat empat kriteria penting di sisi Ibn al-Qayyim dalam aplikasi kritik matan hadis melalui karya penulisannya sendiri.

### 5.1 Matan Hadis Mengandungi Perumpamaan Melampau

Secara asasnya, Nabi SAW tidak akan mengungkapkan ucapan yang berunsur *mujāzafah* (perumpamaan melampau) bagi sengaja menimbulkan intimidasi atau sebaliknya sama ada pada sudut lafaz atau makna sesuatu hadis. Perbuatan seumpama ini sering dilakukan oleh golongan yang dikenali sebagai *al-qaṣāṣ* (penglipur). Salah satu tujuannya dapat membuat sesiapa yang mendengar menjadi asyik dengan apa yang disampaikan oleh mereka (Ibn Qayyim, 1983).

Ibn al-Qayyim telah menegaskan mengenai kriteria ini dalam penulisannya. Beliau berpandangan matan hadis yang mengandungi perumpamaan melampau yang tidak pernah diucapkan sedemikian oleh Nabi SAW termasuk beberapa kriteria umum mengenal pasti hadis palsu. Menurut beliau lagi ciri hadis seumpama ini terlalu banyak tersebar dalam kalangan umat Islam (Ibn Qayyim, 1983).

Ibn al-Qayyim telah membuktikan ketepatan kriteria yang diutarakan ini dengan mengaplikasikannya terhadap hadis yang bermasalah. Hadis yang berkaitan dengan ciri ini adalah dakwaan mengenai fadilat mengucapkan kalimah *lā ilāh illā Allah*. Hadis tersebut:

مَنْ قَالَ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ خَلَقَ اللَّهُ مِنْ تِلْكَ الْكَلِمَةِ طَائِرًا لَهُ سَبْعُونَ أَلْفَ لِسَانٍ لِكُلِّ لِسَانٍ سَبْعُونَ أَلْفَ لُغَةٍ  
يَسْتَغْفِرُونَ اللَّهَ لَهُ

Maksudnya: Sesiapa yang mengucapkan *lā ilāh illā Allah*, maka Allah akan menciptakan daripada kalimah ini seekor burung yang mempunyai tujuh puluh ribu lidah, setiap lidah mampu berbicara dalam tujuh puluh ribu jenis bahasa memohon keampunan kepada Allah bagi orang tersebut.

Menerusi pendekatan ini, cara zahirnya telah membuktikan matannya tidak seperti ucapan Nabi SAW, maka ciri-ciri seumpama ini boleh memberi isyarat awal kepada para pembaca untuk meragui kebenaran kandungan hadis tersebut.

Kandungan hadis yang dikemukakan oleh Ibn al-Qayyim ini jelas menunjukkan salah satu bentuk keterlaluan terhadap penetapan ganjaran bagi sesuatu amalan spiritual dalam beragama lebih-lebih lagi disandarkan kepada ucapan Nabi SAW. Ibn al-Qayyim menyatakan fadilat yang didakwa dalam hadis itu sangat melampau bahkan turut menggambarkan pelaku yang mencipta hadis ini sama ada seorang jahil atau seorang kafir yang bertujuan menghina Nabi SAW (Ibn Qayyim, 1983).

## 5.2 Matan Hadis Bercanggah Dengan Akal

Akal merupakan anugerah terbesar yang diberikan Allah SWT kepada sekalian manusia. Melalui akal, manusia dapat membezakan sama ada baik atau sebaliknya. Penggunaan akal menurut perspektif hadis Nabi SAW sangat dianjurkan namun kadar penggunaannya itu harus dibatasi sehingga hadnya sahaja (Aan Rukmana, 2017). Dalam perbincangan ini, Ibn al-Qayyim berpendapat matan hadis yang bercanggah dengan akal merupakan ciri yang boleh dikenal pasti sebagai hadis yang bermasalah. Ibn al-Qayyim membuktikan kriteria ini dengan dua contoh hadis bermasalah tentang kelebihan memakan terung. Hadis-hadis tersebut:

الْبَاذِجَانُ لِمَا أُكِلَ لَهُ

Maksudnya: Terung sesuai dengan niat ketika memakannya.

الْبَاذِجَانُ شِفَاءٌ مِنْ كُلِّ دَاءٍ

Maksudnya: Terung merupakan ubat bagi semua penyakit.

Ibn al-Qayyim meletakkan hadis seumpama ini dalam kategori matan hadis bercanggah dengan akal manusia yang waras. Bahkan beliau turut menyampaikan beberapa misalan sebagai penjelasan lanjut dalam kritiknya: Sekiranya ahli perubatan yang jahil mengucapkannya, sudah pasti orang ramai akan mencelanya. Sekiranya terung adalah penawar bagi pelbagai penyakit lain, maka terung akan menjadikannya lebih teruk. Sekiranya seorang fakir memakan terung itu bertujuan memperoleh kekayaan, maka dia tidak akan mendapatnya. Sekiranya seorang jahil memakannya untuk menjadi pandai, maka dia tidak akan berhasil (Ibn Qayyim, 1983).

Kedua-dua matan hadis mengenai kelebihan terung yang dinyatakan itu hanya suatu rekaan malah secara jelas bercanggah dengan akal manusia yang sihat. Matan hadis lain yang diutarakan Ibn al-Qayyim dalam kategori ini adalah dakwaan tentang kelebihan kacang dal. Hadis tersebut:

عَلَيْكُمْ بِالْعَدَسِ فَإِنَّهُ مُبَارَكٌ يُرَقِّقُ الْقَلْبَ وَيُكْثِرُ الدَّمْعَةَ فُؤِدَسَ فِيهِ سَبْعُونَ نَبِيًّا

Maksudnya: Hendaklah kalian makan kacang dal kerana ianya terdapat keberkatan yang melembutkan hati dan telah disucikan oleh tujuh puluh orang Nabi.

Ketika mengkritik hadis ini beliau turut mengemukakan penafian yang tegas oleh Ibn Mubārah apabila didakwa periwayatan hadis ini datang daripada beliau (°Adī, 1984). Ibn al-Qayyim mengkritik matan hadis ini kerana jauh tersasar dengan realiti sebenar serta akal manusia yang sihat. Beliau berpandangan tiada khasiat pada kacang dal lalu menyifatkannya hanya makanan kegemaran bagi kaum Yahudi. Menurut beliau lagi, dengan seorang Nabi sahaja menyucikannya, sudah pasti ia adalah penawar bagi pelbagai penyakit. Ibn al-Qayyim dilihat mengkritik matan ini kerana mengandungi hujah ganjil yang meyakinkan orang ramai supaya memakan kacang dal dengan dakwaan tujuh puluh orang Nabi mensucikannya. Ibn al-Qayyim turut menyatakan makanan seumpama ini termasuk dalam kategori makanan *adnā* (kurang baik) sesuai dengan ayat al-Quran malah Allah turut mencela mereka yang memilih kacang dal berbanding makanan seperti *al-mannā* dan *al-salwā*. Ibn al-Qayyim mengkritiknya lagi dengan mengemukakan realiti bagi makanan tersebut yang membawa banyak seperti penyakit hitam (hempedu), angin pasang, sesak nafas, darah kotor, dan bermacam lagi. Beliau memberi petanda seolah-olah hadis ini dipalsukan oleh golongan yahudi yang memilih kacang dal berbanding *al-mannā* dan *al-salwā* (Ibn Qayyim, 1983).

Secara asasnya, akal tidak bercanggah dengan wahyu sama ada dengan al-Quran mahupun hadis Nabi SAW. Dalam hal ini Ibn al-Qayyim tegas berpandangan bahawa para Nabi a.s. tidak akan menyampaikan perkara yang mustahil bagi akal manusia (al-Jawziyyah, 1988).

### 5.3 Matan Hadis Mengandungi Ketetapan Tarikh-Tarikh Tertentu

Ibn al-Qayyim mengkhususkan lagi kriteria seterusnya bagi mengenali hadis palsu apabila matan hadis mengandungi penetapan bagi sesuatu perkara berlaku pada tarikh-tarikh yang tertentu. Beliau berpendapat hadis seumpama ini yang menentukan sesuatu dengan tarikh sekian-sekian menunjukkan ciri-cirinya sebagai hadis palsu. Ibn al-Qayyim menerangkannya secara terperinci: “Apabila sampai tahun sekian dan sekian, maka akan terjadi sekian dan sekian. Apabila sampai bulan sekian dan sekian, maka akan terjadi sekian dan sekian” (Ibn Qayyim, 1983). Ibn al-Qayyim menyatakan salah satu contoh matan hadis seumpama itu:

إِذَا انْكَسَفَ الْقَمَرُ فِي الْمَحْرَمِ: كَانَ الْعَلَاءُ وَالْقِتَالُ وَشُغْلُ السُّلْطَانِ

Maksudnya: Sekiranya terjadi gerhana bulan pada bulan Muharam, maka akan terjadi bala, peperangan dan kesibukan pemerintah.

Ibn al-Qayyim menjelaskan telah wujud banyak pembohongan mengenai tarikh tertentu melalui hadis-hadis palsu dalam kategori ini bahkan beliau dengan tegas mengatakan: “Hadis-hadis pada kategori ini, semuanya adalah palsu dan direka-reka” (Ibn Qayyim, 1983). Konsistensi pendapat beliau terhadap hadis-hadis yang mengandungi mesej mengenai tarikh terhadap peristiwa yang akan berlaku adalah bermasalah malah beliau turut mengulangi lagi pendirian ini pada bab lain dalam kitabnya berkenaan hadis yang menyebut tarikh-tarikh peristiwa akan berlaku pada masa akan depan adalah palsu kesemuanya (Ibn Qayyim, 1983). Berdasarkan kajian, sebanyak 11 hadis telah dinyatakan oleh Ibn al-Qayyim dalam kitab *al-Manār al-Munif* sebagai justifikasi terhadap penetapan beliau memilih kategori ini.

Selain itu, sesuatu hadis sahih sudah pasti tidak akan berlaku percanggahan dengan fakta sejarah pada tarikh tertentu. Sekiranya bertentangan antara satu sama lain, kedua-dua mesti diteliti mengenai kesahihannya sama ada pada hadis tersebut berdasarkan matan mahupun sanadnya dan begitu juga sejarah tarikh-tarikh yang dinyatakan itu. Jika kedua-duanya yang bertentangan itu jelas sahih, maka dua pendirian yang diambil dalam kalangan ahli ilmu pada situasi ini iaitu berlaku berkemungkinan kesilapan periwatan oleh perawi disebabkan tersalah dengar pada sebahagian perkataan dalam matan hadis atau sememangnya tersalah meriwayatkannya. Hal ini tidak menjejaskan keseluruhan matan hadis, sebaliknya fakta sejarah tersebut yang bercanggah itu dinilai sebagai suatu kesilapan. Kedua, berlaku juga kebarangkalian kepada kedua-dua percanggahan ini masih boleh diharmonikan berdasarkan tafsiran terhadap lafaz tertentu dalam matan hadis yang bersifat *kinayah* (Rijal, 2019).

#### 5.4 Matan Hadis Berunsur Petua-Petua Ganjil Dalam Perubahan

Sejarah membuktikan hadis palsu direka atas beberapa faktor dan antaranya adalah kerana seseorang yang berkepentingan pada sesuatu perkara lalu menjadikannya sebagai sumber mengaut keuntungan dunia (Sati, 2018). Ibn al-Qayyim berpendapat matan hadis berunsurkan petua-petua ganjil dalam perubahan merupakan salah satu daripada ciri-ciri hadis palsu. Matan hadis seumpama ini mengandungi kaedah perubahan yang pelik malah menunjukkan seolah-olah ahli perubahan sahaja mengetahui hal tersebut (Ibn Qayyim, 1983). Berdasarkan kategori ini, Ibn al-Qayyim mengemukakan hadis berkaitan seperti fadilat *al-harīṣah*. Hadis tersebut:

الْمُرَيْسَةُ تَشُدُّ الظَّهْرَ

Maksudnya: *Al-harīṣah* menguatkan tulang belakang.

Merujuk *al-Muʿjam al-Wasīṭ*, *al-harīṣah* sejenis makanan manis yang diperbuat daripada tepung, mentega dan gula (Muṣṭafā, al-Ziyāt, Abd al-Qādir, & al-Najār, 1972). Kajian mendapati hadis ini direkod oleh al-ʿUqaylī dalam kitabnya yang berjudul *al-Duʿafāʾ* dengan lafaz lebih sempurna manakala sanad hadis ini disandarkan kepada seorang sahabat yang bernama ʿAbd al-Raḥmān bin Abū Laylā. Lafaz hadis seperti berikut: “Jibrail a.s. meminta aku memakan *al-harīṣah* yang boleh menguatkan tulang belakang supaya memudahkan aku melakukan qiamullail”. Al-ʿUqaylī mengkritik hadis ini dan menilainya palsu disebabkan salah seorang perawi pada sanadnya bernama Muḥammad bin Hajjaj al-Lakhmī. Beliau menyatakan: “Hadis ini batil dan tiada yang mengikutnya melainkan orang seperti dia atau selainnya” (al-ʿUqaylī, 1984). Selain itu, Ibn al-Qayyim turut membawa lagi hadis lain yang berada dalam kriteria ini:

كُلُوا التَّمْرَ عَلَى الرَّيْقِ فَإِنَّهُ يَقْتُلُ الدُّودَ

Maksudnya: Makanlah tamar ketika perut kosong kerana dengannya boleh membunuh cacing.

Hadis ini mengandungi unsur petua ganjil dalam ilmu perubahan. Ibn al-Qayyim menyusunnya dalam kategori ini. Kajian juga telah meneliti pada sudut sanad hadis ini

bagi membuktikan kepalsuannya selain penelitian daripada sudut matan. Hadis ini direkodkan oleh Ibn ʿAdī dalam kitab *al-Kāmil fī al-Ḍuʿafāʾ al-Rijāl*. Pada riwayat hadis ini terdapat seorang perawi bernama ʿIsmah bin Muḥammad bin Fadalāh bin ʿUbayd al-Anṣarī Madanī (ʿAdī, 1984). Ibn ʿAdī menilai ʿIsmah bin Muḥammad dengan menyebut: “Setiap hadis daripadanya *ghayr maḥfūz* dan dia merupakan seorang *munkar al-hadīth*”. Ibn al-Jawzī turut merekodkan hadis ini dalam kitabnya yang berjudul *al-Mawḍūʿāt*. Menurut beliau, hadis ini tidak sahih daripada Nabi SAW disebabkan sanad hadis ini terdapat perawi bernama ʿIsmah bin Muḥammad. (al-Jawzī, 1966) Selain itu, al-Dhahabī menilai hadis ini palsu (al-Dhahabī, 2003).

Berdasarkan penelitian sanad, hadis ini terbukti bermasalah bahkan ia telah dihukum palsu oleh ramai ahli hadis. Pada sudut matan, hadis seumpama ini dilihat sangat ganjil bahkan bercanggah dengan kaedah asas dalam perubatan yang sebenar. Justeru, Ibn al-Qayyim berpandangan matan hadis yang berunsurkan petua perubatan pelik seumpama ini termasuk dalam kriteria hadis palsu.

## 6.0 Implikasi Kajian

Berdasarkan kajian kepustakaan ini, beberapa perkara penting telah diperolehi dan antaranya adalah ketokohan Ibn al-Qayyim dalam mengutarakan kritikan terhadap hadis terserlah melalui manhaj beliau sendiri dengan menetapkan kriteria tertentu mengenali hadis palsu berdasarkan matan hadis. Kajian melihat dengan usaha Ibn al-Qayyim ini dapat memudahkan umat Islam secara umumnya mengenal pasti ciri-ciri hadis bermasalah sekali gus menahan diri daripada terus menyebarkannya tanpa semakan serta penelitian secara mendalam. Hal ini juga secara tidak langsung dapat mengekang penyebaran hadis palsu dalam kalangan masyarakat yang semakin menular mutakhir ini.

Selain itu, Ibn al-Qayyim turut mengimplementasikan ke atas sebahagian hadis yang bermasalah bagi menguji ketepatan setiap kriteria yang dirumuskan tersebut. Beliau memulakan langkah penting ini bagi mengisyaratkan betapa seriusnya penelitian pada sudut matan dijalankan tanpa mengesampingkan kajian pada sudut sanad. Kitab *al-Manār al-Munīf* merupakan kitab rujukan terpenting dalam mengkaji kritik matan hadis dengan lebih mendalam malah ia turut dianggap kitab terbaik dihasilkan dalam bidang hadis. Melalui kajian-kajian kritik matan hadis seumpama ini, ianya akan terus berkembang malah dapat diluaskan lagi perbincangan mengenainya oleh ramai para pengkaji hadis berdasarkan penyelidikan terhadap manhaj kritik matan hadis tokoh-tokoh hadis yang lain.

## 7.0 Kesimpulan

Para ahli hadis sangat mementingkan kesahihan sesuatu hadis. Selain mengutamakan penelitian terhadap sanad, mereka turut memandang berat penilaian hadis daripada sudut matannya. Ibn al-Qayyim telah menghasilkan penulisan yang sangat penting pada ilmu hadis terutamanya dalam kajian kritik matan. Melalui penulisan Ibn al-Qayyim dalam kitab *al-Manār al-Munīf* menyaksikan kesungguhan beliau sebagai salah seorang ulama memelihara kesucian hadis yang menjadi rujukan bagi umat Islam.

Karya penulisan Ibn al-Qayyim ini merupakan kesinambungan terhadap idea yang dicetuskan oleh ahli hadis sebelum iaitu Ibn al-Jawzī. Justeru, aplikasi kritikan Ibn al-Qayyim terhadap matan sesuatu hadis ini memperlihatkan keselarian dengan manhaj yang digunakan oleh kebanyakan ahli hadis yang lain. Hal ini secara tidak langsung

menguukuhkan lagi kekuatan manhaj kritik matan hadis Ibn al-Qayyim dalam menilai dan mengkritik matan hadis.

Memandangkan Ibn al-Qayyim termasuk dalam kalangan tokoh hadis yang memulakan usaha penting ini, kajian mendapati empat kriteria utama yang penting di sisi beliau dalam aplikasi kritik matan hadis. Kriteria-kriteria tersebut adalah matan hadis mengandungi perumpamaan melampau. Kedua, matan hadis bercanggah dengan akal. Ketiga, matan hadis mengandungi ketetapan tarikh-tarikh tertentu. Keempat, matan hadis berunsur petua-petua ganjil dalam perubatan. Beliau turut membuktikan semua kriteria itu dengan contoh-contoh matan hadis yang dihurainya secara terperinci.

Manhaj kritik matan hadis Ibn al-Qayyim yang dinyatakan dalam kajian ini menunjukkan bahawa beliau begitu komited memartabatkan sunnah Nabi SAW daripada setiap sudut aspek. Semua kaedah ini begitu signifikan malah sangat praktikal pada zaman kini kerana menjadi langkah awal bagi mengenal pasti hadis-hadis palsu.

Hadis Nabi SAW menjadi sumber terpenting terhadap umat Islam dalam menjalani kehidupan beragama di dunia ini. Ia perlu dipelihara kesuciannya daripada dicemari usaha-usaha jahat lebih-lebih lagi bertujuan menyelewengkannya. Sebarang usaha untuk melakukan pemalsuan terhadap hadis Nabi SAW harus dibanteras sebaiknya. Kajian ini mengharap supaya penyelidikan seumpama ini dapat memudahkan para pembaca secara umumnya mengenal pasti tanda-tanda sesuatu hadis palsu berdasarkan manhaj Ibn al-Qayyim mengkritik matan hadis.

## Rujukan

- Aan Rukmana. (2017). Kedudukan Akal dalam al-Qur'an dan al-Hadis. *Mumtaz: Jurnal Studi Al-Quran dan Keislaman*, 1(1), 23-34. doi:<https://doi.org/10.36671/mumtaz.v1i1.2>
- Abū Zayd, B. (2002). *Ibn Qayyim al-Jawziyyah hayātuhu āthāruhu mawāriduhu*. Riyadh: Dār al-ʿĀṣimah.
- al-ʿAsqalānī, I. Ḥ. (1972). *al-Darar al-Kāminah*. Majlis Dāirah al-Maʿārif al-Uthmāniyyah.
- al-ʿUqaylī, M. b. (1984). *al-Dhuʿafāʾ al-Kabīr*. Beirut: Dār al-Maktabah al-ʿIlmiyah.
- al-Dhahabī. (2003). *Tārīkh al-Islām*. Beirut: Dār al-Gurb al-Islāmī.
- al-Dumaynī, M. G. (1984). *Maqāyīs Naqd Mutūn al-Sunnah*. Riyadh.
- al-Jawzī, I. (1966). *al-Mawḍūʿāt*. Madinah al-Munawwarah: al-Maktabah al-Salafiyah.
- al-Jawziyyah, I. (1988). *al-Ṣawāiq al-Mursalāh ʿalā rad al-Jahmiyyah wa al-Muʿaṭṭilah*. Riyadh: Dār al-ʿĀṣimah.
- al-Munawar, S. A. (2020). Metode Kritik Matan Hadis Menurut Pandangan Muhadditsin Mutaqaddimin. *Ushuluna: Jurnal Ilmu Ushuluddin*, 2(1), 148-165.
- al-Shawkānī. (2010). *al-Badr al-Tālī*. Beirut: Dār al-Maʿrifah.
- al-Sibāʿī, M. (2000). *al-Sunnah wa makānatuhā fī al-Tashrīḥ*. Beirut: al-Maktab al-Islāmī.

- Aziz, A. (2015). *Periodisasi Kritik Matan Hadis (Analisis Perkembangan Metodologi Kritik Matan Hadis sejak Periode Permulaan sampai Periode Pasca Atba al-Tabi'in)*. Yogyakarta: Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga.
- Adi, I. (1984). *al-Kāmil fī al-Ḍuʿafā' al-Rijāl*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn al-Qayyim. (1996). *Hidāyah al-Hiyārī fī ajwibah al-Yahūd wa al-Naṣārā*. Jeddah: Dār al-Qalam.
- Ibn Qayyim, a.-J. (1983). *al-Manār al-Munīf fī al-Ṣaḥīḥ wa al-Ḍaʿīf*. Halab: Jamʿiyah al-Taʿlīm al-Sharʿī.
- Jād Hijāzī, ʿ. A. (1972). *Ibn al-Qayyim wa Mawqifuhu min al-Takfīr al-Islāmī*. al-Majmaʿ al-Buḥūth al-Islāmiyyah.
- Kathīr, I. (2003). *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*. Kaherah: Dār Hajar.
- Maswara, H. (2013). Kritik Matan Hadis Di Kalangan Sahabat. *TAHKIM: JURNAL HUKUM DAN SYARIAH*, 9(2), 147-172.
- Muṣṭafā, I., al-Ziyāt, A., Abd al-Qādir, H., & al-Najār, M. (1972). *al-Muʿjam al-Wasīf*. Kaherah: Mujaḥmaʿ al-Lughah al-ʿArabiyyah.
- Rijal, M. B. (2019). *Analisis hadith-hadith yang matannya bercanggah dengan fakta sejarah*. Retrieved from [https://www.academia.edu/42859767/Analisis\\_hadith\\_hadith\\_yang\\_matannya\\_bercanggah\\_dengan\\_fakta\\_sejarah](https://www.academia.edu/42859767/Analisis_hadith_hadith_yang_matannya_bercanggah_dengan_fakta_sejarah)
- Saputra, T. (2008). *Kritik Matan Hadis: Studi Komparatif Pemikiran Ibn Qayyim al-Jauziyyah dan Muhammad al-Ghazali*. Yogyakarta: Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta.
- Sati, A. (2018). Hadis Palsu dan Hukum Meriwayatkannya. *Jurnal El-Qanuny*, 4(1), 1-15.
- Suryadinata, M. (2020). Kritik Matan Hadis: Klasik hingga Kontemporer. *Ushuluna: Jurnal Ilmu Ushuluddin*, 2(2), 111-129.
- Syimir, M. A., Asri, M., Ramizah, W., & Fadhli, M. (2021). Penggunaan Kaedah Riwayah bi al-Ma'na Dalam Pengriwayatan Hadis-Hadis Motivasi Di Malaysia. *Jurnal Pengajian Islam*, 14, 121-135. Retrieved from <https://jpi.kuis.edu.my/index.php/jpi/article/view/79/73>